

BAB 2 NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

2.1 Perjuangan pemimpin tempatan menentang British

2.1a) Apakah yang dimaksudkan gerakan nasionalisme? (Teks ms 29)

Tentang	Usaha masyarakat setempat menentang penjajahan terhadap mereka oleh kuasa luar
----------------	--

2.1b) Bilakah gerakan nasionalisme di Tanah Melayu? (Teks ms 30)

.....

2.1c) Namakan tokoh-tokoh tempatan dan lokasi penentangan terhadap British di Tanah Melavu. Sabah dan Sarawak pada abad ke-19 (Teks ms 30)

	Tokoh Tempatan	Lokasi Penentangan
i	Penghulu Dol Said	Naning, Melaka
ii	Linggir	Batang Lupar, Sarawak
iii	Rentap	Kubu Nanga Skrang, Sarawak
iv	Syarif Masahor & Patinggi Abdul Ghapur	Kanowit, Sarawak
v	Mat Salleh	Di Persisir pantai Sabah
vi	Dato' Maharaja Lela	Pasir Salak, Perak
vn	Yam Tuan Antah	Sg. Ujong, Negeri Sembilan
viii	Dato' Bahaman	Lubuk TeruaIKuala Tembeling dan Jeram Ampai,Pahang
ix	Tok Janggut	Pasir Puteh, Kelantan
x	Hj. Abdul Rahman Limbong	Kuala Berang, Terengganu

2.1.1) Huraikan sebab-sebab pemimpin tempatan menentang British. (Teks ms 30-31)

Penaklukan	Dasar penaklukan bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan politik menyebabkan kawasan yang dijajah terikat dengan peraturan British. Misalnya, Naning dipaksa menjadi jajahan takluk British dan membayar ufti menyebabkan berlaku peperangan Penghulu Dol Said dengan British.
Ekonomi	British ditentang kerana menguasai ekonomi tempatan bagi kepentingan mereka melalui perjanjian yang dimeterai dengan pemimpin tempatan membolehkan saudagar dari NegeriNegeri Selat dibenarkan menjalankan perlombongan dan perdagangan bijih timah.
Cukai	British memaksakan penduduk tempatan dengan memperkenalkan sistem cukai, undang-undang dan peraturan-peraturan tanah untuk mendapatkan hasil yang maksimum. Contohnya di Terengganu, penentangan berlaku kerana British telah menetapkan bahawa setiap tanah yang hendak dibuka oleh penduduk tempatan mestilah mendapat keizinan mereka dan dikenakan cukai tanah yang bertentangan dengan amalan tradisi.
Campur Tangan	British bertindak campur-tangan dalam adat resam tempatan. Misalnya di Perak, J.W.W. Birch telah campur tangan dalam adat resam masyarakat Melayu yang diamalkan selama ini, iaitu amalan menggunakan orang suruhan.
Paksa	British memaksa menerima nilai-nilai dan budaya Barat yang bertentangan dengan budaya masyarakat tempatan.
Kehilangan	Pemimpin tempatan di daerah mereka kehilangan kuasa dan pengaruh pentadbiran serta anak buah setelah penjajahan.
Sokongan	Penentangan pemimpin tempatan mendapat sokongan anak buah mereka
Sulit	Rakyat menentang pelaksanaan undang-undang British

	yang menyulitkan kehidupan.
--	-----------------------------

2.1.2a) Jelaskan peristiwa penentangan Dol Said terhadap British di Naning. (Teks ms 31-32)

Letak	Tidak bersetuju dengan tindakan British meletakkan Naning sebagai sebahagian daripada wilayah takluknya.
Ingkar	Mengingkari arahan British supaya Naning menghantar satu persepuluh hasilnya sebagai ufti kepada negeri Melaka.
Hantar	British telah menghantar tenteranya untuk menakluk Naning pada tahun 1831 dan pasukan British ini telah ditentang oleh Penghulu Dol Said.
Bantuan	Dol Said mendapat bantuan ketenteraan daripada Yam Tuan Ali dari Rembau, Syed Shaban, Penghulu Ramai dan Rechat, Dato' Kelana Sungai Ujong serta Penghulu Gemenchek beljaya mengalahkan 150 tentera British pimpinan Kapten Wyllie.
Menyerang	Pada akhir tahun 1832, British dengan 1200 tentera sekali lagi menyerang Naning.
Kalah	British berjaya mengalahkan tentera Dol Said, kerana tidak mendapat bantuan
Serah	Dol Said terpaksa menyerah diri dan di bawa ke Melaka.

2.1.2b) Terangkan peristiwa penentangan para pemimpin Sarawak terhadap James Brooke. (Teks ms 33)

Kuasai	Berusaha untuk menguasai beberapa buah daerah pedalaman sehingga menimbulkan bantahan daripada pemimpin tempatan. .
Serang	James Brooke menyerang pemimpin yang enggan menyerahkan daerah mereka kepada beliau.
Linggir	Linggir menentang penaklukan James Brooke dengan menyerang kapal Nemesis dekat Batang Lupar.
TindakBalas	Serangan ini merupakan tindak balas terhadap langkah James Brooke dan Kapten Farquhar menghalang

	pelayaran mereka di Sungai Saribas tetapi Linggir dan pengikutnya tewas.
Rentap	Pemimpin Iban Rentap menentang James Brooke kerana bertindak menghapuskan orang Iban di Sungai Skrang yang dianggap sebagai lanun.
Serang	Beliau telah menyerang pasukan James Brooke di Kubu Nanga Skrang bagi menghalang kezaliman.
Bertindak	James Brooke telah bertindak balas dengan membakar kampung menyebabkan Rentap dan pengikutnya berundur ke Bukit Sadok, tetapi sekali lagi mereka diserang.
Berjaya	Tentera James Broke berjaya mengalahkan Rentap dan beliau terpaksa berundur ke Ulu Sungai Entabai dan serangannya semakin lemah.
Menolak	Penentangan Syarif Masahor dan Datu Patinggi Abdul Gapur berlaku kerana mereka menolak penguasaan James Brooke di wilayah mereka, iaitu di Sungai Rajang.
Kehilangan	Mereka kehilangan kuasa memungut cukai dan pengaruh terhadap penduduk tempatan.
Bina	James Brooke telah membina sebuah kubu di Kanowit tetapi Syarif Masahor telah menyerang kubu tersebut.
Gagal	Beliau dan Datu Patinggi Abdul Gapur kemudian menyerang James Brooke di Kuching, tetapi gaga!.
Lari	Syarif Masahor melarikan diri ke Brunei tetapi telah diserahkan oleh Sultan Brunei kepada British di Singapura.
Tahan	Datu Patinggi Abdul Gapur melarikan diri ke Betawi tetapi beliau berjaya ditahan oleh Belanda dan diserahkan kepada James Brooke.

2.1.2c) Terangkan peristiwa penentangan Mat Salleh ke atas Syarikat Borneo Utara British di Sabah. (Teks ms 35-36)

Hirau	SBUB tidak menghiraukan kedudukan Mat Salleh sebagai pemerintah daerah Tambunan dan Sungai Sugut.
Duduki	Mereka menduduki kawasan pengaruh Mat Salleh dengan melaksanakan sistem cukai kepala dan surat perahu.
Kasar	Mat Salleh ke Sandakan untuk berbincang dengan SBUB sebaliknya pegawai-pegawai syarikat tidak memberi layanan malah bersikap kasar kepada penduduk tempatan.
Serang	Gabenor Beaufort telah menyerang dan membakar kampung menyebabkan Mat Salleh terpaksa melarikan diri.
Mengejut	Pada tahun 1897, beliau dan para pengikutnya telah melakukan serangan mengejut terhadap kubu SBUB di Pulau Gaya.
Tawar	SBUB telah menawarkan pelan damai kepada Mat Salleh dengan menyerahkan Tambunan kepada beliau.
Mungkir	SBUB telah mungkir janji menyebabkan Mat Salleh sekali lagi menyerang kubu SBUB tetapi dibalas oleh pasukan tentera SBUB dengan menyerang kubu Mat Salleh.
Meninggal	Beliau akhirnya tewas dan meninggal dunia pada 31 Januari 1900.

2.1.2d) Huraikan penentangan yang dilakukan oleh Dato' Maharaja Lela ke atas British di Perak. (Teks ms 37-38)

Pimp in	Penguasaan British yang didalangi oleh J.W.W. Birch telah ditentang oleh orang tempatan yang dipimpin oleh Dato' Maharaja Lela.
Bersatu	Penentangan itu berlaku secara bersatu oleh semua pembesar dan sultan serta penduduk tempatan terhadap British.
Mungkir	Residen memungkirinya fungsinya sebagai penasihat seperti yang termaktub dalam Perjanjian Pangkor 1874.

Menolak	Para pembesar menolak sistem cukai yang menghapuskan hak mereka.
Penguasaan	Para pembesar menolak penguasaan British terhadap kawasan mereka.
Campur Tangan	Para pembesar menolak campur tangan British dalam adat resam dan hal ehwal tempatan.
Hormati	J. W. W. Birch tidak menghormati sistem sosial tempatan dan tidak tahu berbahasa Melayu.
Bantahan	Pada tahun 1874 Perjanjian Pangkor ditandatangani oleh Sultan Abdullah dan Sir Andrew Clarke menyebabkan berlaku bantahan terbuka oleh pembesar Melayu Perak terhadap campur tangan British.
Kubu	Dato' Maharaja Lela membuat Kubu di Pasir Salak dengan mengadakan mesyuarat di Durian Sebatang antara Dato' Maharaja Lela dengan pembesar-pembesar Melayu bertujuan menentang undang-undang British.
Bersetuju	Selepas bermesyuarat Dato' Maharaja Lela bersetuju membunuh J.W.W. Birch manakala Sultan Abdullah memberitahu Sultan Ismail tentang rancangan tersebut.
Terpaksa	Sultan Abdullah terpaksa menyerahkan Perak kepada British walaupun berlaku penentangan terhadap British.
Tampal	Mat Arshad, orang suruhan British, dibunuh oleh penduduk tempatan semasa menampal poster cukai di Pasir Salak.
Arahan	Pembunuhan J.W.W. Birch oleh Seputum, Pandak Lam, dan lain-lain lagi atas arahan Dato' Maharaja Lela di Sungai Perak, Pasir Salak.
Lancar	Pihak British dengan 500 orang tenteranya melancarkan serangan terhadap Pasir Salak menyebabkan Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor melarikan diri ke Kota Lama.
Bicara	Semua yang terlibat dengan pembunuhan J.W.W. Birch ditangkap dan dibicara oleh Raja Idris sebagai hakim manakala penasihat perbicaraan ialah Frank Swettenham.
Gantung	Dato' Maharaja Lela bersama-sama Dato' Sagor, Pandak

	Lam, Seputum dan Pandak Indut dijatuhi hukuman gantung, Sultan Ismail dibuang negeri ke Johor, Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Syahbandar dan Laksamana pula dibuang negeri ke Pulau Seychelles.
--	---

2.1.2e) Terangkan penentangan Yam Than Antah terhadap British di Sungai Ujong. (Teks ms 39)

Penguasaan	Yam Tuan Antah Sri Menanti dan Dato' Syahbandar menentang kemasukan dan penguasaan British di Sungai Ujong.
Enggan	Dato' Syahbandar Sungai Ujong enggan menandatangani perjanjian dengan British.
Mempelawa	Pada masa yang sarna beliau menentang Dato' Kelana Sungai Ujong yang mempelawa British untuk campur tangan dalam pertikaian mereka berebut kawasan sempadan untuk mengenakan cukai kepada pedagang bijih timah dari NegeriNegeri Selat.
Berjaya	Dengan kerjasama British, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman berjaya mengalahkan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal untuk menguasai Sungai Ujong.
Berundur	Dato' Syahbandar terpaksa berundur ke Selangor tetapi kembali semula ke Sungai Ujong dan menandatangani perjanjian dengan British pada 10 November 1874.
Bersetuju	Dato. Syahbandar bersetuju meletakkan jawatan dan berhijrah ke Singapura manakala Dato' Kelana Syed Abdul Rahman menguasai Sungai Ujong tetapi tertakluk di bawah penguasaan British.
Damai	Pada tahun 1888 Yam Tuan Antah menandatangani perjanjian damai yang membolehkan penguasaan British di Sungai Ujong.

2.1.2f) Jelaskan penentangan Dato' Bahaman terhadap British di Pahang. (Teks ms 40)

Menolak	Dato' Bahaman menolak pelaksanaan undang-undang British yang bertentangan dengan adat resam dan sistem politik tempatan seperti sistem kehakiman, pemungutan hasil tanah, sistem cukai dan penubuhan pasukan polis luar oleh Residen British di Pahang.
Menghakis	Pelaksanaan undang-undang tersebut telah menghakis kuasa Dato' Bahaman sebagai Orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan Semantan.
Bersatu	Dato' Bahaman dan rakan-rakannya seperti Tok Gajah dan Imam Rasul telah bersatu menentang British selama lima tahun.
Siri	Siri penentangan Dato' Bahaman dengan menentang pembinaan Balai Polis Lubuk Terua, kawasan pengaruhnya.
Serangan	menyerang British kerana menangkap anak buahnya diikuti serangan dan menawan semula Lubuk Terua serta menguasai uala Tembeling dan Jeram Ampai.
Bertindak	British bertindak balas dengan menghantar tentera menyerang Jeram Ampai menyebabkan Dato' Bahaman berundur ke Kelantan
Menetap	Dato' Bhaman menetap di Hulu Kelantan manakala Tok Gajah dan keluarganya menetap di Hulu Terengganu.
Pindah	Pada tahun 1896, Dato' Bahaman berpindah ke Bangkok diberikan perlindungan politik oleh Raja Chulalongkom dan menetap di Chieng Mai serta meninggal dunia di sana.

2.1.2g) Jelaskan penentangan TokJanggutterhadap British di Kelantan. (Teks ms 41)

Paksa	Penentangan terhadap penjajahan British berlaku di Pasir Puteh apabila Sistem Penasihat British diperkenalkan dengan memaksa penduduk membayar cukai tanah dan padi .
--------------	---

Bantah	Tok Janggut membantah pelaksanaan dan enggan membayar cukai tetapi tidak dilayan oleh Pegawai Daerah Pasir Puteh.
Tangkap	Pihak polis telah diarahkan untuk menangkap Tok Janggut tetapi mereka gaga!.
Berjaya	Pada tahun 1915, Tok Janggut, pembesar dan rakyat tempatan bersetuju menyerang Pasir Puteh dan mereka berjaya mendudukinya.
Kerajaan	Sebuah kerajaan telah dibentuk dengan Engku Besar Jeram sebagai Raja, Tok Janggut sebagai Perdana Menteri dan Che Ishak sebagai Pegawai Daerah.
Nama	British menggunakan nama Sultan Kelantan membawa masuk pasukan tentera dari Negeri Selat dengan Kapal Perang H.M.S. Cadmus mendarat di Tumpat dengan menyerang di Saring.
Terkorban	Serangan British yang tersusun dan penggunaan senjatanya yang lebih moden telah menyebabkan Tok Janggut terkorban.
Arak	Mayatnya diarak ke seluruh pekan Kota Bharu sebelum digantung di pasar dalam keadaan kepala ke bawah dan kaki ke atas sebagai amaran kepada masyarakat tempatan yang berani menentang British.

2.1.2h) Terangkan penentangan Haji Abdul Rahman Limbong terhadap British di Terengganu. (Teks ms 42-43)

Puas Hati	Haji Abdul Rahman Limbong seorang ulamak menentang British kerana tidak berpuas hati dengan sistem cukai dan undang-undang tanah British di Terengganu.
Mengetuai	Beliau mengetuai penduduk kampung membersihkan tanah di Kuala Telemong tanpa menghiraukan peraturan tanah British.
Membuka	Beliau bersama 300 orang penduduk kampung membuka tanah milik Tengku Nik Maimunah Ibn Sultan Zainal Abidin III dari Lubuk Batu hingga

	Kampung Pelam.
JasaBaik	British merasa bimbang dan dengan jasa baik Tengku Nik Maimunah, mereka dapat disuraikan.
Melancarkan	Penduduk tempatan yang marah melancarkan serangan bersenjata terhadap dasar British berjaya menduduki bangunan kerajaan di Kuala Berang.
Bersiap	Kumpulan di Kuala Telemong bersiap sedia menunggu arahan untuk menentang British.
Menggunakan	Dengan menggunakan kuasa dan nama Sultan Terengganu, British telah menghantar tiga orang pembesar Sultan menawan semula Kuala Berang.
Derhaka	Cara ini memudahkan British kerana rakyat Melayu tidak akan menderhaka kepada sultan.
Menyerang	Sepasukan polis seramai 25 orang menyerang Kuala Telemong dan berjaya menumpaskan kebangkitan penduduk tempatan dengan mengorbankan sebelas orang.
Dibuang	Haji Abdul Rahman Limbong pula diserang oleh seramai 50 orang polis yang dibawa dari Singapura berjaya ditahan dan dibuang negeri ke Makkah.

2.1.2i) Apakah pengajaran yang diperolehi penentangan pemimpin tempatan menentang penjajah. (Teks ms 44)

Contohi	Patut kita contohi telah menunjukkan semangat setia negara yang tinggi kerana sanggup berkorban untuk bangsa.
Sifat	Sifat bekerjasama dan tolong-menolong antara pemimpin dengan pengikut dalam menentang penjajahan British.
Disiplin	Sikap berdisiplin dan gigih berusaha dapat menghasilkan perjuangan yang berjaya.
Kurang	Kekalahan mereka dalam perjuangan itu adalah kerana kekurangan ilmu dan senjata moden.
Ilmu	Kita perlu menimba ilmu pengetahuan supaya tidak dijajah.
Perpaduan	Perlu perpaduan di kalangan pemimpin supaya musuh

	dapat ditentang secara serentak.
--	----------------------------------

2.1.2j) Pada pendapat anda mengapakah perjuangan pemimpin tempatan menentang British mengalami kegagalan? (Teks ms 44)

Setempat	Pejuangan pemimpin tempatan bercorak setempat memudahkan British menghapuskan penentengan dalam jumlah yang kecil!.
Bantuan	Pemimpin tempatan tidak mendapat bantuan luar sepertimana serangan British ke atas Dol Said kali yang kedua
Bersengketa	Terdapat pemimpin tempatan yang bersengketa memberi peluang kepada British campur tangan seperti pemusuhan antara Dato' Kelana dengan Dato Syahbandar sungai Ujong.
Kesempatan	Menggunakan kesempatan atas arahan Sultan British bertindak untuk menghapuskan penentangan seperti yang berlaku di Terengganu menyebabkan rakyat tidak menentang kerana taat setia rakyat kepada Sultan.
Peralatan	British menggunakan peralatan dan teknologi yang canggih walaupun dalam jumlah tentera yang kecil dapat mengalahkan pemimpin tempatan yang jumlah bilangan tentera yang besar.
Luar	British mendapat bantuan tentera daripada luar seperti dari Singapura, Burma dan India.
Bekerjasama	Terdapat rakyat tempatan yang bekerjasama dengan British seperti di Perak dan Kelantan.
Tekanan	Sultan menghadapi tekanan daripada British seperti di Perak, Terengganu dan Kelantan yang membolehkan pemimpin tempatan di bunuh dengan kejam.

2.1.2k) Tok J anggut dibunuh dan mayatnya diarak ke seluruh pekan Kota Bharu kemudian di gantung dalam keadaan kepala ke bawah dan kaki ke atas di pasar oleh British. Apakah pandangan anda mengenai peristiwa tersebut terhadap British?

Kejam	Sikap kejam penjajah dan tidak berperikemanusiaan.
Mencapai	Sanggup bertindak dengan apa saja untuk mencapai matlamat.
Tamadun	Menunjukkan sikap tidak bertamadun Barat.
Penghinaan	Sebagai penghinaan terhadap penduduk peribumi.

2.1.2l) British bertindak menghukum Haji Abdul Rahman Limbong dengan membuang negeri ke Mekah. Pada pendapat anda mengapa British bertindak sedemikian?

Ulama	Beliau seorang ulama yang terkenal.
Timbang rasa	British bersikap bertimbang rasa terhadap ulama.
Tempat	Mekah adalah tempat tinggal yang sesuai ulama
Ilmu	Di sana beliau dapat mendalami ilmu agama.
Mengajar	Beliau boleh menjadi tenaga pengajar agama.
Haji	Boleh menunaikan ibadah haji dan umrah
Lenyap	Melenyapkan pengaruh beliau kerana Mekah jauh dari Tanah Melayu.
Hati	Mengambil hati penduduk tempatan supaya tidak melakukan pemberontakan.

2.2.1 Faktor-Faktor Pemangkin Nasionalisme

2.2.1a) Huraikan sebab-sebab yang mempengaruhi gerakan nasionalisme di Tanah Melayu pada abad Ke-20. (Teks ms 45-48)

Politik	memusnahkan sistem politik tradisional meletakkan seorang Residen dan pegawai British mengambil alih pentadbiran negeri daripada pembesar tempatan.
Pendidikan	Kemunculan golongan intelek Melayu dari pendidikan Inggeris dan sekolah vernakular Melayu meningkatkan kesedaran bangsa Melayu menolak penjajahan British.
Kuasai	Dasar British menggalakkan kemasukan orang dagang untuk melabur, bemiaga, berdagang, bekerja dan menetap di Tanah Melayu dengan menguasai ekonomi dalam bidang perlombongan, perladangan dan pemiagaan manakala orang Melayu kekal dalam penanaman padi.
Bandar	Pembukaan bandar baru dengan pelbagai kemudahan dinikmati oleh orang asing sedangkan orang Melayu tetap tinggal di kampung-kampung dengan segala kekurangan.
Kemunduran	Dasar British telah memundurkan taraf hidup orang Melayu menyebabkan golongan intelek Melayu menjadikannya isu gerakan nasionalisme.
Jepun	Pendudukan Jepun dengan konsep Kawasan Kesemakmuran. Asia menekankan kebebasan negara-negara Asia menentukan kemajuan dan kemerdekaan tetapi kekejaman Jepun menimbulkan kebencian penjajahan sarna ada oleh kuasa Barat atau Timur.
PKM	Penguasaan Parti Komunis Malaya selama 14 hari pada tahun 1945 membangkitkan semangat menentang penjajahan dan memulakan penyebaran ideologi komunis.
Mesin	Kemunculan mesin cetak membolehkan penerbitan buku, akhbar, majalah dan kitab agama untuk

	menyampaikan idea menentang penjajah disebar dengan meluas
Reformis	Gerakan Pan-Islamisme sedunia melahirkan Reformis Islam Syeikh Muhammad Abduh membangkitkan kesedaran pemahaman Islam untuk menentang penjajahan terhadap negara-negara Islam yang disebar dalam majalah al-Manar.
Kesedaran	Kesedaran politik di Indonesia membolehkan penulis dan karya mereka menjadi bacaan masyarakat di Tanah Melayu tentang idea kebebasan politik dan penentangan terhadap penjajahan.

**2.2.2) Apakah yang dimaksudkan Kaum Muda?
(Teks ms 49)**

Arab	Golongan berpendidikan Arab yang terpengaruh dengan gerakan Islah Islamiyah di Timur Tengah.
-------------	---

**2.2.2a) Senaraikan tokoh-tokoh Kaum Muda di Tanah Melayu.
(Teks ms 49)**

Tokoh	Sheikh Tahir Jalaludin, Syed Sheikh al-Hadi, Dr. Burhanuddin al-Helmy, Mohd. Yunus bin Abdul Hamid, Haji Abbas Mohd Taha dan Sheikh Mohd Salim al-Khalili
--------------	---

**2.2.2b) Nyatakan dasar perjuangan Kaum Muda.
(Teks ms 49)**

Betul	Mendorong masyarakat Melayu supaya membetulkan pandangan mereka terhadap Islam.
Idea	Menyampaikan idea dan menjana ajaran Islam dari sudut kemajuan dunia , termasuklah gesaan untuk memajukan ekonomi, pendidikan, politik dan sosial orang Melayu.
Sikap	Berusaha menyematkan sikap mengkritik penjajah ke dalam fikiran orang Islam.
Raja	Mengkritik raja dan pembesar Melayu yang tidak berperanan penting dalam memajukan orang Melayu.

- 2.2.2c) **Namakan akhbar dan majalah yang digunakan oleh Kaum Muda untuk menyampaikan perjuangan mereka. (Teks ms 50)**

Akhbar	AI- Imam, Neraca, Idaran Zaman, Saudara dan Lidah Benar
Majalah	Pengasuhdan al-Ikhwan

- 2.2.2d) **Terangkan perkembangan gerakan Islah yang diperjuang oleh Kaum Muda di Tanah Melayu pada abad ke-20. (Teks ms 50)**

Tentang	Peringkat awal ditentang oleh Kaum Tua yang menguasai fahaman masyarakat Melayu tentang Islam hanya berkaitan dengan akhirat dan fardu ain sahaja.
NNS	Gerakan ini hanya bergerak di Negeri-Negeri Selat sahaja kerana terdapat undang-undang dikeluarkan oleh NegeriNegeri Melayu menghalang pengaruh Kaum Muda.
Kebenaran	Undang-undang ini tidak membenarkan sebarang kegiatan dakwah Islam dilakukan tanpa kebenaran Sultan.
Risalah	Undang-undang ini juga tidak membenarkan risalah dan buku. Kaum Muda di bawa masuk ke negeri-negeri tersebut.
Madrasah	Menubuhkan beberapa buah madrasah untuk menjalankan sistem pendidikan Islam yang meliputi untuk dunia dan akhirat seperti pendidikan fardu ain, ilmu hisab dan bahasa Inggeris.
Peluang	Madrasah ini juga memberikan peluang kepada pelajar perempuan untuk mendapatkan pendidikan.

2.2.3 **Akhbar, Majalah dan Novel Penggerak Kesedaran**

Kebangsaan

2.2.3a) Senaraikan akhbar di Tanah Melayu pada tahun 1920 an dan 1930 an. (Teks ms 50)

i)	Warta Melaya	ii)	Lembaga Melaya	iii)	Majlis
iv)	Utusan Melayu	v)	Warta Negara		

2.2.3b) Apakah isu sosial yang diperjuangkan oleh akhbar di Tanah Melayu pada tahun 1920-an dan 1930-an? (Teks ms 51)

Tinggi	Memajukan pendidikan tinggi di kalangan orang Melayu.
Perempuan	Menggalakkan pendidikan untuk anak perempuan
Sikap	Menyeru orang Melayu meninggalkan sikap negatif seperti memilih kerja dan tidak berusaha.
Tabungan	Menggalakkan tabungan di kalangan orang Melayu untuk pendidikan anak-anak.
Kemahiran	Mementingkan kemahiran tradisional orang Melayu seperti pertukangan dan kerj a tangan.
Inggeris	Mementingkan pendidikan bahasa Inggeris untuk kemajuan orang Melayu.
Taraf	Meminta taraf sekolah Melayu dibaiki dan diberi nilai ekonomi.
Rasmi	Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran British
Tinggal	Menyeru orang Melayu supaya tidak meninggalkan pendidikan Islam.
Nilai	Mengekalkan nilai-nilai baik masyarakat Melayu.

2.2.3c) Terangkan isu ekonomi yang diperjuangkan oleh akhbar

**di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.
(Teks ms 51)**

Kerjasama	Menggalakkan penubuhan syarikat bekerjasama oleh orang Melayu.
Kemasukan	Meminta British mengurangkan kemasukan orang dagang kerana akan mengancam ekonomi penduduk peribumi
Perniagaan	Menggalakkan pemiagaan di kalangan orang Melayu.
Jual	Melarang orang Melayu menjual tanah mereka
Jimat	Menyeru orang Melayu berjimat cermat.
Kampung	Meminta British mengadakan kampung khas Melayu di Kuala Lumpur.

**2.2.3d) Terangkan isu politik yang diperjuangkan oleh akhbar di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.
(Teks ms 51)**

Kritik	Mengkritik British kerana mengurangkan kuasa Raja-Raja Melayu
Gagal	Mengkritik para pembesar dan Raja-Raja Melayu kerana gagal memimpin rakyat.
Pilih	Menolak dasar pilih kasih British dalam pentadbiran kerajaan.
Melindungi	Menuntut di adakan Malay Administrative Service untuk melindungi orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan.
Bersatu	Menyeru orang Melayu di seluruh Tanah Melayu dalam sebuah pertubuhan kebangsaan.
Tuntutan	Menentang tuntutan orang dagang terhadap politik tempatan.

2.2.3e) Senaraikan majalah di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

i)	Majalah Guru	ii)	Pengasuh	iii)	Bulan Melayu
----	--------------	-----	----------	------	--------------

2.2.3f) Nyatakan isu-isu yang dibangkitkan oleh majalah-majalah di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua (Teks ms 52)

Anak-anak	Memberi perhatian terhadap pendidikan ke atas anak-anak Melayu
Perpaduan	Menyeru perpaduan di kalangan orang Melayu.
Cinta	Meniupkan semangat cinta akan negara dan menentang penjajahan.
Taraf	Meningkatkan tarafhidup orang Melayu.
Bahasa	Memajukan bahasa dan sastera Melayu.
Guru	Menggalakkan perpaduan di kalangan guru sebagai pemimpin bahasa.
Pentafsiran	Membincangkan soal pentafsiran Islam yang progresif bagi kemajuan ummah.
Persoalan	Memberi pentafsiran kepada persoalan orang Islam
Memperluaskan	Memperluaskan ilmu dalam semua bidang. MenggalakkanMenggalakkan pendidikan di kalangan orang Melayu.
Gesa	Mengesakan orang Melayu menjauhkan diri daripada sifat buruk.
Wanita	Menggalakkan wanita mendapatkan pendidikan untuk kemajuan diri.
Kesopanan	Mendorong wanita menjaga kesopanan dengan nilai-nilai Islam dan budaya Timur.
Obor	Menggalakkan wanita menjadi obor untuk memajukan bangsa.

2.2.3g) Novel Keris Melaka, Anak Mat Lela Gila, Putera Gunung Tahan dan Melor Kuala Lumpur bertemakan semangat kebangsaan. Jelaskan. (Teks ms 53)

Perjuangan	Memaparkan semangat perjuangan menentang penjajahan Barat seperti Portugis
Sumbangan	Menghargai sumbangan tokoh-tokoh Kesultanan Melayu Melaka seperti Hang Tuah.

Inspirasi	Menggunakan sejarah sebagai inspirasi dan pedoman untuk mendorong semangat perjuangan bangsa bagi generasi muda.
Penjajah	Semangat menentang penjajah oleh anak muda tempatan
Warisan	Menghargai warisan bangsa sendiri
Cinta	Mencintai tanah air
Maruah	Menolak kesenangan demi maruah bangsa.
Wira	Semangat wira pemuda tempatan dalam menjaga maruah.
Bangga	Berasa bangga dengan kebolehan sendiri.
Menolak	Seorang gadis tempatan yang menolak cinta pegawai penjajah kerana tidak mahu menjatuhkan maruah bangsa
Kebebasan	Kebebasan wanita dalam menentukan hala tuju kehidupan.
Moden	Wanita yang tnetnteningkan ~endidikan tnoden untuk kebaikan diri
Negatif	Membuang pandangan negatif yang boleh menghalang kemajuan bangsa

2.2.4 Perjuangan nasionalisme Oleh Persatuan Melayu.

2.2.4a) Jelaskan isu yang diperjuangkan oleh persatuan-persatuan dalam gerakan nasionalisme di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak sebelum perang Dunia Kedua.

Kesatuan Melayu Singapura

Menjaga	Menjaga kepentingan sosioekonomi penduduk Melayu Singapura dengan Mohammad Eunos Abdullah menjadi wakil KTEKS MS dalam pentadbiran British.
Desak	Sebagai wakil orang Melayu dalam Ahli Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat mendesak kebajikan orang Melayu Singapura dan berjaya memperoleh sebuah kawasan penempatan khas bagi orang Melayu di Singapura

Persatuan Sahabat Pen a Malaya.

Berkenalan	Menggalakkan ahlinya berkenal-kenal dan bertukar-tukar mewujudkan perpaduan bagi memajukan diri sendiri dan bangsa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu.
Gabung	Menggabungkan tenaga intelektual Melayu bagi membincangkan nasib orang Melayu dalam soal ekonomi, pendidikan dan perkhidmatan kerajaan.

Persatuan Melayu Sarawak

Perpaduan	Mengeratkan perpaduan Melayu, menggalakkan pendidikan, menjaga budaya dan maruah bangsa, serta menegakkan ajaran agama Islam.
------------------	---

Pes.tuan Sahabat Pena di Sabah

Perpaduan	Mewujudkan perpaduan di kalangan anggota-anggotanya terdiri daripada peniaga kecil, pegawai rendah kerajaan dan guru sekolah Melayu
------------------	---

Kesatuan Melayu Muda

Perpaduan	Menggalakkan perpaduan di kalangan pemuda Melayu di seluruh Semenanjung
Tahap	Meningkatkan tahap pendidikan di kalangan orang Melayu.
Negara	Menubuhkan negara Melayu Raya atau Indonesia Raya dengan bergabung dengan Indonesia.

Kongres Melayu

Kemunduran.	Membincangkan soal kemunduran orang Melayu dalam pendidikan dan ekonomi
--------------------	---

Pilih	Membincangkan pilih kasih British kepada anak negeri asal.
Kenegerian	Mengatasi permasalahan sosioekonomi dan politik.
Negeri	Mengatasi perasaan kenegerian yang memisahkan orang Melayu.

2.2.4b) Huraikan perkembangan Kesatuan Melayu Muda dalam memperjuang semangat nasionalisme di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. (Teks ms 57-58)

Tubub	KMM ditubuhkan pada tahun 1939 yang dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakob.
Matlamat	Matlamat penubuhan Ulltuk menggalakkan perpaduan di kalangan pemuda Melayu di seluruh Semenanjung.
Tabap	Meningkatkan tahap pendidikan di kalangan orang Melayu.
Negara	Menubuhkan negara Melayu Raya atau Indonesia Raya dengan bergabung dengan Indonesia untuk mencapai kemerdekaan.
Kerjasama	KMM bekerjasama dengan Jepun pada akhir tahun 1940 untuk menghalau British dari Tanah Melayu.
Propaganda	Menjadikan KMM badan propaganda Jepun, membeli Warta Malaya untuk dijadikan alat propaganda anti-British, dan mengelilingi Tanah Melayu untuk mencari sokongan.
Cawangan	KMM menubuhkan cawangan diseluruh Tanah Melayu bagi meluaskan propaganda menentang British.
Kader	Maahad II Ihya Assyariff, di Gunung Semanggol menjadi penyokong KMM dengan menyediakan kader-kader dikenali tentera semut untuk menentang British.
Tangkap	Ibrahim Haji Yaakob, Ishak Haji Muhammad, dan lebih kurang 50 orang penyokong KMM ditangkap oleh British pada akhir tahun 1941 dan dipenjarakan di Changi, Singapura.

**2.2.5 Gerakan Nasionalisme Semasa Pendudukan Jepun.
(Teks ms 57)**

2.2.5a) Nyatakan pertubuhan-pertubuhan yang menentang ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu di antara tahun 1941 hingga 1945.

MPAJA	Parti Komunis Malaya mengadakan penentangan melalui gerakan bawah tanah dengan bantuan senjata oleh pihak British.
Gerila	Mereka bekerjasama menjalankan perang gerila terhadap Jepun.
Bintang Tiga	Pasukan Bintang Tiga juga ditubuhkan dengan ahlinya terdiri daripada tiga kaum penting di Tanah Melayu, iaitu Melayu, Cina dan India menentang Jepun secara gerila.
Force 136	Di kalangan orang Melayu pula ditubuhkan Force 136 keanggotaan terdiri daripada pegawai-pegawai tadbir Melayu yang bekerjasama dengan tentera British. bergerak secara gerila di hutan dan aktif di Kedah, Johor dan Pahang
Wataniah	Pasukan Wataniah Pahang adalah pasukan sukarela menentang Jepun terdiri daripada guru, pegawai tadbir kerajaan dan orang kampung yang sedar tentang penindasan Jepun.

BAB 2 NASIONALISME DI MALAYSIA SEHINGGA PERANG DUNIA KEDUA

2.1 Perjuangan pemimpin tempatan menentang British

2.1a) Apakah yang dimaksudkan gerakan nasionalisme? (Teks ms 29)

Tentang	Usaha masyarakat setempat menentang penjajahan terhadap mereka oleh kuasa luar
----------------	--

2.1b) Bilakah gerakan nasionalisme di Tanah Melayu? (Teks ms 30)

.....

2.1c) Namakan tokoh-tokoh tempatan dan lokasi penentangan terhadap British di Tanah Melavu. Sabah dan Sarawak pada abad ke-19 (Teks ms 30)

	Tokoh Tempatan	Lokasi Penentangan
i	Penghulu Dol Said	Naning, Melaka
ii	Linggir	Batang Lupar, Sarawak
iii	Rentap	Kubu Nanga Skrang, Sarawak
iv	Syarif Masahor & Patinggi Abdul Ghapur	Kanowit, Sarawak
v	Mat Salleh	Di Persisir pantai Sabah
vi	Dato' Maharaja Lela	Pasir Salak, Perak
vn	Yam Tuan Antah	Sg. Ujong, Negeri Sembilan
viii	Dato' Bahaman	Lubuk TeruaIKuala Tembeling dan Jeram Ampai,Pahang
ix	Tok Janggut	Pasir Puteh, Kelantan
x	Hj. Abdul Rahman Limbong	Kuala Berang, Terengganu

2.1.1) Huraikan sebab-sebab pemimpin tempatan menentang British. (Teks ms 30-31)

Penaklukan	Dasar penaklukan bertujuan untuk mengukuhkan kedudukan politik menyebabkan kawasan yang dijajah terikat dengan peraturan British. Misalnya, Naning dipaksa menjadi jajahan takluk British dan membayar ufti menyebabkan berlaku peperangan Penghulu Dol Said dengan British.
Ekonomi	British ditentang kerana menguasai ekonomi tempatan bagi kepentingan mereka melalui perjanjian yang dimeterai dengan pemimpin tempatan membolehkan saudagar dari NegeriNegeri Selat dibenarkan menjalankan perlombongan dan perdagangan bijih timah.
Cukai	British memaksakan penduduk tempatan dengan memperkenalkan sistem cukai, undang-undang dan peraturan-peraturan tanah untuk mendapatkan hasil yang maksimum. Contohnya di Terengganu, penentangan berlaku kerana British telah menetapkan bahawa setiap tanah yang hendak dibuka oleh penduduk tempatan mestilah mendapat keizinan mereka dan dikenakan cukai tanah yang bertentangan dengan amalan tradisi.
Campur Tangan	British bertindak campur-tangan dalam adat resam tempatan. Misalnya di Perak, J.W.W. Birch telah campur tangan dalam adat resam masyarakat Melayu yang diamalkan selama ini, iaitu amalan menggunakan orang suruhan.
Paksa	British memaksa menerima nilai-nilai dan budaya Barat yang bertentangan dengan budaya masyarakat tempatan.
Kehilangan	Pemimpin tempatan di daerah mereka kehilangan kuasa dan pengaruh pentadbiran serta anak buah setelah penjajahan.
Sokongan	Penentangan pemimpin tempatan mendapat sokongan anak buah mereka
Sulit	Rakyat menentang pelaksanaan undang-undang British

	yang menyulitkan kehidupan.
--	-----------------------------

2.1.2a) Jelaskan peristiwa penentangan Dol Said terhadap British di Naning. (Teks ms 31-32)

Letak	Tidak bersetuju dengan tindakan British meletakkan Naning sebagai sebahagian daripada wilayah takluknya.
Ingkar	Mengingkari arahan British supaya Naning menghantar satu persepuluh hasilnya sebagai ufti kepada negeri Melaka.
Hantar	British telah menghantar tenteranya untuk menakluk Naning pada tahun 1831 dan pasukan British ini telah ditentang oleh Penghulu Dol Said.
Bantuan	Dol Said mendapat bantuan ketenteraan daripada Yam Tuan Ali dari Rembau, Syed Shaban, Penghulu Ramai dan Rechat, Dato' Kelana Sungai Ujong serta Penghulu Gemencheh berjaya mengalahkan 150 tentera British pimpinan Kapten Wyllie.
Menyerang	Pada akhir tahun 1832, British dengan 1200 tentera sekali lagi menyerang Naning.
Kalah	British berjaya mengalahkan tentera Dol Said, kerana tidak mendapat bantuan
Serah	Dol Said terpaksa menyerah diri dan di bawa ke Melaka.

2.1.2b) Terangkan peristiwa penentangan para pemimpin Sarawak terhadap James Brooke. (Teks ms 33)

Kuasai	Berusaha untuk menguasai beberapa buah daerah pedalaman sehingga menimbulkan bantahan daripada pemimpin tempatan. .
Serang	James Brooke menyerang pemimpin yang enggan menyerahkan daerah mereka kepada beliau.
Linggir	Linggir menentang penaklukan James Brooke dengan menyerang kapal Nemesis dekat Batang Lupar.
TindakBalas	Serangan ini merupakan tindak balas terhadap langkah James Brooke dan Kapten Farquhar menghalang

	pelayaran mereka di Sungai Saribas tetapi Linggir dan pengikutnya tewas.
Rentap	Pemimpin Iban Rentap menentang James Brooke kerana bertindak menghapuskan orang Iban di Sungai Skrang yang dianggap sebagai lanun.
Serang	Beliau telah menyerang pasukan James Brooke di Kubu Nanga Skrang bagi menghalang kezaliman.
Bertindak	James Brooke telah bertindak balas dengan membakar kampung menyebabkan Rentap dan pengikutnya berundur ke Bukit Sadok, tetapi sekali lagi mereka diserang.
Berjaya	Tentera James Broke berjaya mengalahkan Rentap dan beliau terpaksa berundur ke Ulu Sungai Entabai dan serangannya semakin lemah.
Menolak	Penentangan Syarif Masahor dan Datu Patinggi Abdul Gapur berlaku kerana mereka menolak penguasaan James Brooke di wilayah mereka, iaitu di Sungai Rajang.
Kehilangan	Mereka kehilangan kuasa memungut cukai dan pengaruh terhadap penduduk tempatan.
Bina	James Brooke telah membina sebuah kubu di Kanowit tetapi Syarif Masahor telah menyerang kubu tersebut.
Gagal	Beliau dan Datu Patinggi Abdul Gapur kemudian menyerang James Brooke di Kuching, tetapi gaga!.
Lari	Syarif Masahor melarikan diri ke Brunei tetapi telah diserahkan oleh Sultan Brunei kepada British di Singapura.
Tahan	Datu Patinggi Abdul Gapur melarikan diri ke Betawi tetapi beliau berjaya ditahan oleh Belanda dan diserahkan kepada James Brooke.

2.1.2c) Terangkan peristiwa penentangan Mat Salleh ke atas Syarikat Borneo Utara British di Sabah. (Teks ms 35-36)

Hirau	SBUB tidak menghiraukan kedudukan Mat Salleh sebagai pemerintah daerah Tambunan dan Sungai Sugut.
Duduki	Mereka menduduki kawasan pengaruh Mat Salleh dengan melaksanakan sistem cukai kepala dan surat perahu.
Kasar	Mat Salleh ke Sandakan untuk berbincang dengan SBUB sebaliknya pegawai-pegawai syarikat tidak memberi layanan malah bersikap kasar kepada penduduk tempatan.
Serang	Gabenor Beaufort telah menyerang dan membakar kampung menyebabkan Mat Salleh terpaksa melarikan diri.
Mengejut	Pada tahun 1897, beliau dan para pengikutnya telah melakukan serangan mengejut terhadap kubu SBUB di Pulau Gaya.
Tawar	SBUB telah menawarkan pelan damai kepada Mat Salleh dengan menyerahkan Tambunan kepada beliau.
Mungkir	SBUB telah mungkir janji menyebabkan Mat Salleh sekali lagi menyerang kubu SBUB tetapi dibalas oleh pasukan tentera SBUB dengan menyerang kubu Mat Salleh.
Meninggal	Beliau akhirnya tewas dan meninggal dunia pada 31 Januari 1900.

2.1.2d) Huraikan penentangan yang dilakukan oleh Dato' Maharaja Lela ke atas British di Perak. (Teks ms 37-38)

Pimp in	Penguasaan British yang didalangi oleh J.W.W. Birch telah ditentang oleh orang tempatan yang dipimpin oleh Dato' Maharaja Lela.
Bersatu	Penentangan itu berlaku secara bersatu oleh semua pembesar dan sultan serta penduduk tempatan terhadap British.
Mungkir	Residen memungkir fungsinya sebagai penasihat seperti yang termaktub dalam Perjanjian Pangkor 1874.

Menolak	Para pembesar menolak sistem cukai yang menghapuskan hak mereka.
Penguasaan	Para pembesar menolak penguasaan British terhadap kawasan mereka.
Campur Tangan	Para pembesar menolak campur tangan British dalam adat resam dan hal ehwal tempatan.
Hormati	J. W. W. Birch tidak menghormati sistem sosial tempatan dan tidak tahu berbahasa Melayu.
Bantahan	Pada tahun 1874 Perjanjian Pangkor ditandatangani oleh Sultan Abdullah dan Sir Andrew Clarke menyebabkan berlaku bantahan terbuka oleh pembesar Melayu Perak terhadap campur tangan British.
Kubu	Dato' Maharaja Lela membuat Kubu di Pasir Salak dengan mengadakan mesyuarat di Durian Sebatang antara Dato' Maharaja Lela dengan pembesar-pembesar Melayu bertujuan menentang undang-undang British.
Bersetuju	Selepas bermesyuarat Dato' Maharaja Lela bersetuju membunuh J.W.W. Birch manakala Sultan Abdullah memberitahu Sultan Ismail tentang rancangan tersebut.
Terpaksa	Sultan Abdullah terpaksa menyerahkan Perak kepada British walaupun berlaku penentangan terhadap British.
Tampal	Mat Arshad, orang suruhan British, dibunuh oleh penduduk tempatan semasa menampal poster cukai di Pasir Salak.
Arahan	Pembunuhan J.W.W. Birch oleh Seputum, Pandak Lam, dan lain-lain lagi atas arahan Dato' Maharaja Lela di Sungai Perak, Pasir Salak.
Lancar	Pihak British dengan 500 orang tenteranya melancarkan serangan terhadap Pasir Salak menyebabkan Dato' Maharaja Lela dan Dato' Sagor melarikan diri ke Kota Lama.
Bicara	Semua yang terlibat dengan pembunuhan J.W.W. Birch ditangkap dan dibicara oleh Raja Idris sebagai hakim manakala penasihat perbicaraan ialah Frank Swettenham.
Gantung	Dato' Maharaja Lela bersama-sama Dato' Sagor, Pandak

	Lam, Seputum dan Pandak Indut dijatuhi hukuman gantung, Sultan Ismail dibuang negeri ke Johor, Sultan Abdullah, Menteri Ngah Ibrahim, Syahbandar dan Laksamana pula dibuang negeri ke Pulau Seychelles.
--	---

2.1.2e) Terangkan penentangan Yam Than Antah terhadap British di Sungai Ujong. (Teks ms 39)

Penguasaan	Yam Tuan Antah Sri Menanti dan Dato' Syahbandar menentang kemasukan dan penguasaan British di Sungai Ujong.
Enggan	Dato' Syahbandar Sungai Ujong enggan menandatangani perjanjian dengan British.
Mempelawa	Pada masa yang sarna beliau menentang Dato' Kelana Sungai Ujong yang mempelawa British untuk campur tangan dalam pertikaian mereka berebut kawasan sempadan untuk mengenakan cukai kepada pedagang bijih timah dari NegeriNegeri Selat.
Berjaya	Dengan kerjasama British, Dato' Kelana Syed Abdul Rahman berjaya mengalahkan Dato' Syahbandar Abdullah Tunggal untuk menguasai Sungai Ujong.
Berundur	Dato' Syahbandar terpaksa berundur ke Selangor tetapi kembali semula ke Sungai Ujong dan menandatangani perjanjian dengan British pada 10 November 1874.
Bersetuju	Dato. Syahbandar bersetuju meletakkan jawatan dan berhijrah ke Singapura manakala Dato' Kelana Syed Abdul Rahman menguasai Sungai Ujong tetapi tertakluk di bawah penguasaan British.
Damai	Pada tahun 1888 Yam Tuan Antah menandatangani perjanjian damai yang membolehkan penguasaan British di Sungai Ujong.

2.1.2f) Jelaskan penentangan Dato' Bahaman terhadap British di Pahang. (Teks ms 40)

Menolak	Dato' Bahaman menolak pelaksanaan undang-undang British yang bertentangan dengan adat resam dan sistem politik tempatan seperti sistem kehakiman, pemungutan hasil tanah, sistem cukai dan penubuhan pasukan polis luar oleh Residen British di Pahang.
Menghakis	Pelaksanaan undang-undang tersebut telah menghakis kuasa Dato' Bahaman sebagai Orang Kaya Setia Perkasa Pahlawan Semantan.
Bersatu	Dato' Bahaman dan rakan-rakannya seperti Tok Gajah dan Imam Rasul telah bersatu menentang British selama lima tahun.
Siri	Siri penentangan Dato' Bahaman dengan menentang pembinaan Balai Polis Lubuk Terua, kawasan pengaruhnya.
Serangan	menyerang British kerana menangkap anak buahnya diikuti serangan dan menawan semula Lubuk Terua serta menguasai uala Tembeling dan Jeram Ampai.
Bertindak	British bertindak balas dengan menghantar tentera menyerang Jeram Ampai menyebabkan Dato' Bahaman berundur ke Kelantan
Menetap	Dato' Bhaman menetap di Hulu Kelantan manakala Tok Gajah dan keluarganya menetap di Hulu Terengganu.
Pindah	Pada tahun 1896, Dato' Bahaman berpindah ke Bangkok diberikan perlindungan politik oleh Raja Chulalongkom dan menetap di Chieng Mai serta meninggal dunia di sana.

2.1.2g) Jelaskan penentangan TokJanggutterhadap British di Kelantan. (Teks ms 41)

Paksa	Penentangan terhadap penjajahan British berlaku di Pasir Puteh apabila Sistem Penasihat British diperkenalkan dengan memaksa penduduk membayar cukai tanah dan padi .
--------------	---

Bantah	Tok Janggut membantah pelaksanaan dan enggan membayar cukai tetapi tidak dilayan oleh Pegawai Daerah Pasir Puteh.
Tangkap	Pihak polis telah diarahkan untuk menangkap Tok Janggut tetapi mereka gaga!.
Berjaya	Pada tahun 1915, Tok Janggut, pembesar dan rakyat tempatan bersetuju menyerang Pasir Puteh dan mereka berjaya mendudukinya.
Kerajaan	Sebuah kerajaan telah dibentuk dengan Engku Besar Jeram sebagai Raja, Tok Janggut sebagai Perdana Menteri dan Che Ishak sebagai Pegawai Daerah.
Nama	British menggunakan nama Sultan Kelantan membawa masuk pasukan tentera dari Negeri Selat dengan Kapal Perang H.M.S. Cadmus mendarat di Tumpat dengan menyerang di Saring.
Terkorban	Serangan British yang tersusun dan penggunaan senjatanya yang lebih moden telah menyebabkan Tok Janggut terkorban.
Arak	Mayatnya diarak ke seluruh pekan Kota Bharu sebelum digantung di pasar dalam keadaan kepala ke bawah dan kaki ke atas sebagai amaran kepada masyarakat tempatan yang berani menentang British.

2.1.2h) Terangkan penentangan Haji Abdul Rahman Limbong terhadap British di Terengganu. (Teks ms 42-43)

Puas Hati	Haji Abdul Rahman Limbong seorang ulamak menentang British kerana tidak berpuas hati dengan sistem cukai dan undang-undang tanah British di Terengganu.
Mengetuai	Beliau mengetuai penduduk kampung membersihkan tanah di Kuala Telemong tanpa menghiraukan peraturan tanah British.
Membuka	Beliau bersama 300 orang penduduk kampung membuka tanah milik Tengku Nik Maimunah Ibn Sultan Zainal Abidin III dari Lubuk Batu hingga

	Kampung Pelam.
JasaBaik	British merasa bimbang dan dengan jasa baik Tengku Nik Maimunah, mereka dapat disuraikan.
Melancarkan	Penduduk tempatan yang marah melancarkan serangan bersenjata terhadap dasar British berjaya menduduki bangunan kerajaan di Kuala Berang.
Bersiap	Kumpulan di Kuala Telemong bersiap sedia menunggu arahan untuk menentang British.
Menggunakan	Dengan menggunakan kuasa dan nama Sultan Terengganu, British telah menghantar tiga orang pembesar Sultan menawan semula Kuala Berang.
Derhaka	Cara ini memudahkan British kerana rakyat Melayu tidak akan menderhaka kepada sultan.
Menyerang	Sepasukan polis seramai 25 orang menyerang Kuala Telemong dan berjaya menumpaskan kebangkitan penduduk tempatan dengan mengorbankan sebelas orang.
Dibuang	Haji Abdul Rahman Limbong pula diserang oleh seramai 50 orang polis yang dibawa dari Singapura berjaya ditahan dan dibuang negeri ke Makkah.

2.1.2i) Apakah pengajaran yang diperolehi penentangan pemimpin tempatan menentang penjajah. (Teks ms 44)

Contohi	Patut kita contohi telah menunjukkan semangat setia negara yang tinggi kerana sanggup berkorban untuk bangsa.
Sifat	Sifat bekerjasama dan tolong-menolong antara pemimpin dengan pengikut dalam menentang penjajahan British.
Disiplin	Sikap berdisiplin dan gigih berusaha dapat menghasilkan perjuangan yang berjaya.
Kurang	Kekalahan mereka dalam perjuangan itu adalah kerana kekurangan ilmu dan senjata moden.
Ilmu	Kita perlu menimba ilmu pengetahuan supaya tidak dijajah.
Perpaduan	Perlu perpaduan di kalangan pemimpin supaya musuh

	dapat ditentang secara serentak.
--	----------------------------------

2.1.2j) Pada pendapat anda mengapakah perjuangan pemimpin tempatan menentang British mengalami kegagalan? (Teks ms 44)

Setempat	Pejuangan pemimpin tempatan bercorak setempat memudahkan British menghapuskan penentengan dalam jumlah yang kecil!.
Bantuan	Pemimpin tempatan tidak mendapat bantuan luar sepertimana serangan British ke atas Dol Said kali yang kedua
Bersengketa	Terdapat pemimpin tempatan yang bersengketa memberi peluang kepada British campur tangan seperti pemusuhan antara Dato' Kelana dengan Dato Syahbandar sungai Ujong.
Kesempatan	Menggunakan kesempatan atas arahan Sultan British bertindak untuk menghapuskan penentangan seperti yang berlaku di Terengganu menyebabkan rakyat tidak menentang kerana taat setia rakyat kepada Sultan.
Peralatan	British menggunakan peralatan dan teknologi yang canggih walaupun dalam jumlah tentera yang kecil dapat mengalahkan pemimpin tempatan yang jumlah bilangan tentera yang besar.
Luar	British mendapat bantuan tentera daripada luar seperti dari Singapura, Burma dan India.
Bekerjasama	Terdapat rakyat tempatan yang bekerjasama dengan British seperti di Perak dan Kelantan.
Tekanan	Sultan menghadapi tekanan daripada British seperti di Perak, Terengganu dan Kelantan yang membolehkan pemimpin tempatan di bunuh dengan kejam.

2.1.2k) Tok J anggut dibunuh dan mayatnya diarak ke seluruh pekan Kota Bharu kemudian di gantung dalam keadaan kepala ke bawah dan kaki ke atas di pasar oleh British. Apakah pandangan anda mengenai peristiwa tersebut terhadap British?

Kejam	Sikap kejam penjajah dan tidak berperikemanusiaan.
Mencapai	Sanggup bertindak dengan apa saja untuk mencapai matlamat.
Tamadun	Menunjukkan sikap tidak bertamadun Barat.
Penghinaan	Sebagai penghinaan terhadap penduduk peribumi.

2.1.2l) British bertindak menghukum Haji Abdul Rahman Limbong dengan membuang negeri ke Mekah. Pada pendapat anda mengapa British bertindak sedemikian?

Ulama	Beliau seorang ulama yang terkenal.
Timbang rasa	British bersikap bertimbang rasa terhadap ulama.
Tempat	Mekah adalah tempat tinggal yang sesuai ulama
Ilmu	Di sana beliau dapat mendalami ilmu agama.
Mengajar	Beliau boleh menjadi tenaga pengajar agama.
Haji	Boleh menunaikan ibadah haji dan umrah
Lenyap	Melenyapkan pengaruh beliau kerana Mekah jauh dari Tanah Melayu.
Hati	Mengambil hati penduduk tempatan supaya tidak melakukan pemberontakan.

2.2.1 Faktor-Faktor Pemangkin Nasionalisme

2.2.1a) Huraikan sebab-sebab yang mempengaruhi gerakan nasionalisme di Tanah Melayu pada abad Ke-20. (Teks ms 45-48)

Politik	memusnahkan sistem politik tradisional meletakkan seorang Residen dan pegawai British mengambil alih pentadbiran negeri daripada pembesar tempatan.
Pendidikan	Kemunculan golongan intelek Melayu dari pendidikan Inggeris dan sekolah vernakular Melayu meningkatkan kesedaran bangsa Melayu menolak penjajahan British.
Kuasai	Dasar British menggalakkan kemasukan orang dagang untuk melabur, bemiaga, berdagang, bekerja dan menetap di Tanah Melayu dengan menguasai ekonomi dalam bidang perlombongan, perladangan dan pemiagaan manakala orang Melayu kekal dalam penanaman padi.
Bandar	Pembukaan bandar baru dengan pelbagai kemudahan dinikmati oleh orang asing sedangkan orang Melayu tetap tinggal di kampung-kampung dengan segala kekurangan.
Kemunduran	Dasar British telah memundurkan taraf hidup orang Melayu menyebabkan golongan intelek Melayu menjadikannya isu gerakan nasionalisme.
Jepun	Pendudukan Jepun dengan konsep Kawasan Kesemakmuran. Asia menekankan kebebasan negara-negara Asia menentukan kemajuan dan kemerdekaan tetapi kekejaman Jepun menimbulkan kebencian penjajahan sarna ada oleh kuasa Barat atau Timur.
PKM	Penguasaan Parti Komunis Malaya selama 14 hari pada tahun 1945 membangkitkan semangat menentang penjajahan dan memulakan penyebaran ideologi komunis.
Mesin	Kemunculan mesin cetak membolehkan penerbitan buku, akhbar, majalah dan kitab agama untuk

	menyampaikan idea menentang penjajah disebar dengan meluas
Reformis	Gerakan Pan-Islamisme sedunia melahirkan Reformis Islam Syeikh Muhammad Abduh membangkitkan kesedaran pemahaman Islam untuk menentang penjajahan terhadap negara-negara Islam yang disebar dalam majalah al-Manar.
Kesedaran	Kesedaran politik di Indonesia membolehkan penulis dan karya mereka menjadi bacaan masyarakat di Tanah Melayu tentang idea kebebasan politik dan penentangan terhadap penjajahan.

**2.2.2) Apakah yang dimaksudkan Kaum Muda?
(Teks ms 49)**

Arab	Golongan berpendidikan Arab yang terpengaruh dengan gerakan Islah Islamiyah di Timur Tengah.
-------------	---

**2.2.2a) Senaraikan tokoh-tokoh Kaum Muda di Tanah Melayu.
(Teks ms 49)**

Tokoh	Sheikh Tahir Jalaludin, Syed Sheikh al-Hadi, Dr. Burhanuddin al-Helmy, Mohd. Yunus bin Abdul Hamid, Haji Abbas Mohd Taha dan Sheikh Mohd Salim al-Khalili
--------------	---

**2.2.2b) Nyatakan dasar perjuangan Kaum Muda.
(Teks ms 49)**

Betul	Mendorong masyarakat Melayu supaya membetulkan pandangan mereka terhadap Islam.
Idea	Menyampaikan idea dan menjana ajaran Islam dari sudut kemajuan dunia , termasuklah gesaan untuk memajukan ekonomi, pendidikan, politik dan sosial orang Melayu.
Sikap	Berusaha menyematkan sikap mengkritik penjajah ke dalam fikiran orang Islam.
Raja	Mengkritik raja dan pembesar Melayu yang tidak berperanan penting dalam memajukan orang Melayu.

- 2.2.2c) **Namakan akhbar dan majalah yang digunakan oleh Kaum Muda untuk menyampaikan perjuangan mereka. (Teks ms 50)**

Akhbar	AI- Imam, Neraca, Idaran Zaman, Saudara dan Lidah Benar
Majalah	Pengasuhdan al-Ikhwan

- 2.2.2d) **Terangkan perkembangan gerakan Islah yang diperjuang oleh Kaum Muda di Tanah Melayu pada abad ke-20. (Teks ms 50)**

Tentang	Peringkat awal ditentang oleh Kaum Tua yang menguasai fahaman masyarakat Melayu tentang Islam hanya berkaitan dengan akhirat dan fardu ain sahaja.
NNS	Gerakan ini hanya bergerak di Negeri-Negeri Selat sahaja kerana terdapat undang-undang dikeluarkan oleh NegeriNegeri Melayu menghalang pengaruh Kaum Muda.
Kebenaran	Undang-undang ini tidak membenarkan sebarang kegiatan dakwah Islam dilakukan tanpa kebenaran Sultan.
Risalah	Undang-undang ini juga tidak membenarkan risalah dan buku. Kaum Muda di bawa masuk ke negeri-negeri tersebut.
Madrasah	Menubuhkan beberapa buah madrasah untuk menjalankan sistem pendidikan Islam yang meliputi untuk dunia dan akhirat seperti pendidikan fardu ain, ilmu hisab dan bahasa Inggeris.
Peluang	Madrasah ini juga memberikan peluang kepada pelajar perempuan untuk mendapatkan pendidikan.

2.2.3 Akhbar, Majalah dan Novel Penggerak Kesedaran

Kebangsaan

2.2.3a) Senaraikan akhbar di Tanah Melayu pada tahun 1920 an dan 1930 an. (Teks ms 50)

i)	Warta Melaya	ii)	Lembaga Melaya	iii)	Majlis
iv)	Utusan Melayu	v)	Warta Negara		

2.2.3b) Apakah isu sosial yang diperjuangkan oleh akhbar di Tanah Melayu pada tahun 1920-an dan 1930-an? (Teks ms 51)

Tinggi	Memajukan pendidikan tinggi di kalangan orang Melayu.
Perempuan	Menggalakkan pendidikan untuk anak perempuan
Sikap	Menyeru orang Melayu meninggalkan sikap negatif seperti memilih kerja dan tidak berusaha.
Tabungan	Menggalakkan tabungan di kalangan orang Melayu untuk pendidikan anak-anak.
Kemahiran	Mementingkan kemahiran tradisional orang Melayu seperti pertukangan dan kerj a tangan.
Inggeris	Mementingkan pendidikan bahasa Inggeris untuk kemajuan orang Melayu.
Taraf	Meminta taraf sekolah Melayu dibaiki dan diberi nilai ekonomi.
Rasmi	Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi dalam pentadbiran British
Tinggal	Menyeru orang Melayu supaya tidak meninggalkan pendidikan Islam.
Nilai	Mengekalkan nilai-nilai baik masyarakat Melayu.

2.2.3c) Terangkan isu ekonomi yang diperjuangkan oleh akhbar

**di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.
(Teks ms 51)**

Kerjasama	Menggalakkan penubuhan syarikat bekerjasama oleh orang Melayu.
Kemasukan	Meminta British mengurangkan kemasukan orang dagang kerana akan mengancam ekonomi penduduk peribumi
Perniagaan	Menggalakkan pemiagaan di kalangan orang Melayu.
Jual	Melarang orang Melayu menjual tanah mereka
Jimat	Menyeru orang Melayu berjimat cermat.
Kampung	Meminta British mengadakan kampung khas Melayu di Kuala Lumpur.

**2.2.3d) Terangkan isu politik yang diperjuangkan oleh akhbar di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.
(Teks ms 51)**

Kritik	Mengkritik British kerana mengurangkan kuasa Raja-Raja Melayu
Gagal	Mengkritik para pembesar dan Raja-Raja Melayu kerana gagal memimpin rakyat.
Pilih	Menolak dasar pilih kasih British dalam pentadbiran kerajaan.
Melindungi	Menuntut di adakan Malay Administrative Service untuk melindungi orang Melayu dalam perkhidmatan kerajaan.
Bersatu	Menyeru orang Melayu di seluruh Tanah Melayu dalam sebuah pertubuhan kebangsaan.
Tuntutan	Menentang tuntutan orang dagang terhadap politik tempatan.

2.2.3e) Senaraikan majalah di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua.

i)	Majalah Guru	ii)	Pengasuh	iii)	Bulan Melayu
----	--------------	-----	----------	------	--------------

2.2.3f) Nyatakan isu-isu yang dibangkitkan oleh majalah-majalah di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua (Teks ms 52)

Anak-anak	Memberi perhatian terhadap pendidikan ke atas anak-anak Melayu
Perpaduan	Menyeru perpaduan di kalangan orang Melayu.
Cinta	Meniupkan semangat cinta akan negara dan menentang penjajahan.
Taraf	Meningkatkan tarafhidup orang Melayu.
Bahasa	Memajukan bahasa dan sastera Melayu.
Guru	Menggalakkan perpaduan di kalangan guru sebagai pemimpin bahasa.
Pentafsiran	Membincangkan soal pentafsiran Islam yang progresif bagi kemajuan ummah.
Persoalan	Memberi pentafsiran kepada persoalan orang Islam
Memperluaskan	Memperluaskan ilmu dalam semua bidang. MenggalakkanMenggalakkan pendidikan di kalangan orang Melayu.
Gesa	Mengesakan orang Melayu menjauhkan diri daripada sifat buruk.
Wanita	Menggalakkan wanita mendapatkan pendidikan untuk kemajuan diri.
Kesopanan	Mendorong wanita menjaga kesopanan dengan nilai-nilai Islam dan budaya Timur.
Obor	Menggalakkan wanita menjadi obor untuk memajukan bangsa.

2.2.3g) Novel Keris Melaka, Anak Mat Lela Gila, Putera Gunung Tahan dan Melor Kuala Lumpur bertemakan semangat kebangsaan. Jelaskan. (Teks ms 53)

Perjuangan	Memaparkan semangat perjuangan menentang penjajahan Barat seperti Portugis
Sumbangan	Menghargai sumbangan tokoh-tokoh Kesultanan Melayu Melaka seperti Hang Tuah.

Inspirasi	Menggunakan sejarah sebagai inspirasi dan pedoman untuk mendorong semangat perjuangan bangsa bagi generasi muda.
Penjajah	Semangat menentang penjajah oleh anak muda tempatan
Warisan	Menghargai warisan bangsa sendiri
Cinta	Mencintai tanah air
Maruah	Menolak kesenangan demi maruah bangsa.
Wira	Semangat wira pemuda tempatan dalam menjaga maruah.
Bangga	Berasa bangga dengan kebolehan sendiri.
Menolak	Seorang gadis tempatan yang menolak cinta pegawai penjajah kerana tidak mahu menjatuhkan maruah bangsa
Kebebasan	Kebebasan wanita dalam menentukan hala tuju kehidupan.
Moden	Wanita yang tnetnteningkan ~endidikan tnoden untuk kebaikan diri
Negatif	Membuang pandangan negatif yang boleh menghalang kemajuan bangsa

2.2.4 Perjuangan nasionalisme Oleh Persatuan Melayu.

2.2.4a) Jelaskan isu yang diperjuangkan oleh persatuan-persatuan dalam gerakan nasionalisme di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak sebelum perang Dunia Kedua.

Kesatuan Melayu Singapura

Menjaga	Menjaga kepentingan sosioekonomi penduduk Melayu Singapura dengan Mohammad Eunos Abdullah menjadi wakil KTEKS MS dalam pentadbiran British.
Desak	Sebagai wakil orang Melayu dalam Ahli Majlis Perundangan Negeri-Negeri Selat mendesak kebajikan orang Melayu Singapura dan berjaya memperoleh sebuah kawasan penempatan khas bagi orang Melayu di Singapura

Persatuan Sahabat Pen a Malaya.

Berkenalan	Menggalakkan ahlinya berkenal-kenal dan bertukar-tukar mewujudkan perpaduan bagi memajukan diri sendiri dan bangsa Melayu di Semenanjung Tanah Melayu.
Gabung	Menggabungkan tenaga intelektual Melayu bagi membincangkan nasib orang Melayu dalam soal ekonomi, pendidikan dan perkhidmatan kerajaan.

Persatuan Melayu Sarawak

Perpaduan	Mengeratkan perpaduan Melayu, menggalakkan pendidikan, menjaga budaya dan maruah bangsa, serta menegakkan ajaran agama Islam.
------------------	---

Pes.tuan Sahabat Pena di Sabah

Perpaduan	Mewujudkan perpaduan di kalangan anggota-anggotanya terdiri daripada peniaga kecil, pegawai rendah kerajaan dan guru sekolah Melayu
------------------	---

Kesatuan Melayu Muda

Perpaduan	Menggalakkan perpaduan di kalangan pemuda Melayu di seluruh Semenanjung
Tahap	Meningkatkan tahap pendidikan di kalangan orang Melayu.
Negara	Menubuhkan negara Melayu Raya atau Indonesia Raya dengan bergabung dengan Indonesia.

Kongres Melayu

Kemunduran.	Membincangkan soal kemunduran orang Melayu dalam pendidikan dan ekonomi
--------------------	---

Pilih	Membincangkan pilih kasih British kepada anak negeri asal.
Kenegerian	Mengatasi permasalahan sosioekonomi dan politik.
Negeri	Mengatasi perasaan kenegerian yang memisahkan orang Melayu.

2.2.4b) Huraikan perkembangan Kesatuan Melayu Muda dalam memperjuangkan semangat nasionalisme di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. (Teks ms 57-58)

Tubub	KMM ditubuhkan pada tahun 1939 yang dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaakob.
Matlamat	Matlamat penubuhan Ulltuk menggalakkan perpaduan di kalangan pemuda Melayu di seluruh Semenanjung.
Tabap	Meningkatkan tahap pendidikan di kalangan orang Melayu.
Negara	Menubuhkan negara Melayu Raya atau Indonesia Raya dengan bergabung dengan Indonesia untuk mencapai kemerdekaan.
Kerjasama	KMM bekerjasama dengan Jepun pada akhir tahun 1940 untuk menghalau British dari Tanah Melayu.
Propaganda	Menjadikan KMM badan propaganda Jepun, membeli Warta Malaya untuk dijadikan alat propaganda anti-British, dan mengelilingi Tanah Melayu untuk mencari sokongan.
Cawangan	KMM menubuhkan cawangan diseluruh Tanah Melayu bagi meluaskan propaganda menentang British.
Kader	Maahad II Ihya Assyariff, di Gunung Semanggol menjadi penyokong KMM dengan menyediakan kader-kader dikenali tentera semut untuk menentang British.
Tangkap	Ibrahim Haji Yaakob, Ishak Haji Muhammad, dan lebih kurang 50 orang penyokong KMM ditangkap oleh British pada akhir tahun 1941 dan dipenjarakan di Changi, Singapura.

**2.2.5 Gerakan Nasionalisme Semasa Pendudukan Jepun.
(Teks ms 57)**

2.2.5a) Nyatakan pertubuhan-pertubuhan yang menentang ketika pendudukan Jepun di Tanah Melayu di antara tahun 1941 hingga 1945.

MPAJA	Parti Komunis Malaya mengadakan penentangan melalui gerakan bawah tanah dengan bantuan senjata oleh pihak British.
Gerila	Mereka bekerjasama menjalankan perang gerila terhadap Jepun.
Bintang Tiga	Pasukan Bintang Tiga juga ditubuhkan dengan ahlinya terdiri daripada tiga kaum penting di Tanah Melayu, iaitu Melayu, Cina dan India menentang Jepun secara gerila.
Force 136	Di kalangan orang Melayu pula ditubuhkan Force 136 keanggotaan terdiri daripada pegawai-pegawai tadbir Melayu yang bekerjasama dengan tentera British. bergerak secara gerila di hutan dan aktif di Kedah, Johor dan Pahang
Wataniah	Pasukan Wataniah Pahang adalah pasukan sukarela menentang Jepun terdiri daripada guru, pegawai tadbir kerajaan dan orang kampung yang sedar tentang penindasan Jepun.